

Jurnal Personalia Pelajar 19(2)(2016): 85-94

Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia  
(*Determinants of Financial Management: The Case of Universiti Kebangsaan Malaysia Students*)

AISYAH ABDUL-RAHMAN & WAJEEHA ZULKIFLY

ABSTRAK

Isu mengenai mahasiswa institusi pengajian tinggi pada awal tahun 2016 yang mengadu kebuluran akibat kesempitan wang menjadi topik paling hangat diperkatakan melalui laman sosial media mahupun menerusi media arus perdana. Lebih-lebih lagi masalah ini berlaku kepada penuntut Tahun Satu Sarjana Muda Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mendakwa kesempitan hidup memaksa beliau mengikat perut sehingga ususnya tercedera. Oleh itu, kajian ini melihat faktor penentu kepada amalan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah UKM. Sebanyak 200 soal selidik telah dianalisis. Hasil kajian menunjukkan literasi kewangan memainkan peranan yang signifikan dengan impak yang paling tinggi terhadap amalan pengurusan kewangan yang baik bagi kedua-dua mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah. Manakala aspek sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan hanya mempengaruhi amalan pengurusan kewangan mahasiswa pascasiswazah, namun tidak bagi mahasiswa prasiswazah. Memandangkan literasi kewangan merupakan aspek penting yang perlu diterapkan demi pengamalan pengurusan yang mantap, maka kursus yang berkaitan pengurusan kewangan wajar ditawarkan serta diwajibkan kepada setiap pelajar UKM tanpa mengambil kira bidang mahupun peringkat pengajian mereka.

Kata kunci: Pengurusan Kewangan, Pengetahuan kewangan, Pengurusan Perbelanjaan, Sumber Pembiayaan

ABSTRACT

*The issue of higher learning institution students complaining of starvation due to a shortage of funds has been among the most popular subject in both social and mainstream media. In addition, similar problem occurred to the first year student in the school of Psychology at National University of Malaysia (UKM), who claimed that due to financial crisis she had to cut meals, which consequently leads to intestines injury. Hence, the study examines the factor affecting good financial management practices among undergraduate and postgraduate students in UKM. A total of 200 questionnaires were analyzed. The results showed that financial knowledge plays a significant role with the highest impact on financial management practices for both undergraduate and postgraduate students. Meanwhile, the sources of financing and spending management only significantly affected financial management practices among postgraduate students, but not for undergraduate students. Given that financial literacy is an important aspect for sound financial management practices, those courses related to financial management must be offered and compulsory to every student, regardless their academic field or stage of their studies.*

Keywords: *Financial management, Financial Literacy, Spending management, Source of Fund*

## PENDAHULUAN

Wang merupakan suatu aset yang amat penting bagi keperluan manusia terutamanya kepada mahasiswa dalam menghadapi keadaan ekonomi serba mencabar ini. Benarlah wang memainkan peranan yang penting dalam memudahkan transaksi ekonomi dan memenuhi keperluan masyarakat pada hari ini. Pengurusan kewangan yang tidak efektif akan menyebabkan berlaku krisis kewangan (Willis, 2008). Tanpa wang yang mencukupi, amatlah sukar kepada kita untuk memenuhi perkhidmatan dan keperluan yang dikehendaki.

Pengurusan merupakan satu praktis sedar dan berterusan bagi membentuk organisasi atau individu ke arah mencapai matlamatnya (Daft, 2016). Menurut Brigham et al. (2014), pengurusan kewangan adalah satu seni dan sains mengurus wang yang melibatkan pelbagai penggunaan teori ekonomi dan matlamat-matlamat perakaunan bagi mencapai matlamat firma dan individu. Memikul tugas sebagai seorang mahasiswa bukanlah satu tanggungjawab yang mudah kerana selain daripada menggalas tugas dengan menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah, mengulang kaji pelajaran, mahasiswa juga harus bijak dan cekap dalam menguruskan kewangan sepanjang mereka berada dalam institusi pengajian tinggi tanpa ada sebarang masalah kewangan.

Kehidupan dan keperluan kewangan semasa di zaman sekolah dan institusi pengajian tinggi amat berbeza (John Abdullah & Ahmad, 2007). Hal ini kerana keperluan kewangan semasa menuntut di institusi pengajian tinggi adalah jauh lebih mahal daripada yang diperlukan di peringkat sekolah. Oleh itu, tuntutan mengurus kewangan mestilah lebih bijak dan berhemah ketika berbelanja untuk mengelakkan daripada melakukan pembaziran wang. Jika perancangan dan pengurusan dibuat secara sistematik dan efisien, kedudukan kewangan akan mencukupi malah mungkin akan mempunyai lebihan dan boleh dijadikan sebagai tabungan. Sebaliknya jika mahasiswa bersikap boros menggunakan wang yang ada ataupun wujud kesilapan dalam menguruskan wang, ini pastinya akan menyebabkan keperluan wang mereka tidak mencukupi.

Namun begitu, kos perbelanjaan yang semakin hari semakin meningkat sungguh membebankan mahasiswa yang sememangnya mempunyai kekangan kewangan disebabkan belum bekerja. Hal ini dijelaskan oleh Jusoh & Mohd Noor (1998) di mana mereka menyatakan perbelanjaan pendidikan seorang individu akan bertambah berikutan perubahan gaya hidup dan kos sara hidup yang semakin meningkat di Malaysia. Dalam pada itu juga, selain membelanjakan wang untuk

membeli bahan pembelajaran seperti alat tulis, buku teks dan sebagainya, secara tidak langsung mereka juga terkesan dengan kenaikan harga barang-barang terutamanya apabila kerajaan mula mengenakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada April 2015. Oleh itu, aspek pengurusan kewangan ini tidak boleh dipandang ringan kerana cabaran hidup pada masa kini semakin mencabar (Yaacob, 2011).

Selain itu, jika dilihat pada hari ini segelintir mahasiswa gagal untuk menguruskan kewangan mereka secara bijak kerana kurang pengetahuan terhadap pengurusan kewangan. Perkara ini disokong lagi oleh Williams (2001) yang mendapati kurangnya literasi pengurusan kewangan dalam kalangan penuntut kolej serta keputusan yang dibuat oleh mereka dalam aspek kewangan adalah sangat lemah serta boleh mengancam masa depan mereka. Kajian oleh Huston et al. (2003) juga mendapati bahawa mahasiswa yang mempunyai literasi kewangan yang tinggi diperlihatkan mempunyai risiko kekurangan wang yang rendah (Huston et. al. 2003).

Berdasarkan hujah-hujah yang diutarakan, kajian mengenai amalan pengurusan kewangan perlu dilakukan bagi mengetahui tahap kesedaran mahasiswa tentang literasi pengurusan kewangan. Walaupun terdapat banyak kajian yang mengkaji pengurusan kewangan pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam negara atau luar negara, namun kebanyakan kajian hanya menumpukan kepada responden yang mengkhusus seperti 1) prasiswazah sahaja, 2) mahasiswa dalam sesuatu bidang atau fakulti, dan 3) mahasiswa mengikut tahun tertentu pengajian. Contohnya, kajian oleh Bujang (2007) mengkaji isu yang lebih kurang sama untuk pelajar prasiswazah bagi fakulti Pendidikan bagi pelajar tahun satu dan tahun dua di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Berbanding kajian Bujang (2007), kajian ini mengambil kira skop responden yang lebih luas, iaitu terdiri daripada mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah di semua peringkat pengajian yang merangkumi semua fakulti di kampus Bangi UKM.

## KAJIAN LITERATUR

Setiap individu semestinya mahu keselesaan dan mempunyai kedudukan kewangan yang baik. Sehubungan dengan itu, pengkaji-pengkaji terdahulu mendapati bahawa literasi kewangan boleh mempengaruhi pembuatan keputusan berkaitan kewangan (Yakob et al., 2015; Shaari et al., 2013; Braunstein & Welch, 2002), termasuklah pengurusan hutang (Brown & Graf, 2013) dan keputusan untuk membuat pembiayaan (Chartejee 2013). Pengurusan

kewangan boleh ditakrifkan sebagai satu seni dan sains dalam mengendalikan wang yang diperoleh oleh individu mahupun organisasi (Abd Moen et. al. 2012).

Celik kewangan bermaksud kebolehan untuk membuat keputusan yang mudah berkaitan dengan kontrak hutang terutamanya, mengaplikasikan pengetahuan asas tentang faedah terkompoun yang diukur dalam konteks pilihan kewangan seharian (Lusardi & Tufano 2008). Menurut kajian oleh Muhamed & Abd. Razak (2012) berkaitan persepsi pelajar terhadap impak kursus Pengurusan Kewangan Peribadi yang dilakukan di Politeknik Port Dickson mendapati kursus tersebut dilihat berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan memberi impak yang besar kepada pelajar. Dapatan kajian membuktikan 90% pelajar bersetuju bahawa mereka lebih berhati-hati dalam berbelanja selepas mengikuti kursus tersebut.

Apabila seseorang individu itu memperoleh wang, beliau diberi tiga pilihan sama ada mahu membelanjakan kesemuanya, belanja separuh dan menyimpan atau menyimpan dan melabur (Mohd. Yunus, 2005). Oleh itu, setiap individu perlu berfikir bagaimana untuk membuat pilihan yang betul agar mereka tidak terjebak dengan masalah kewangan di masa hadapan. Mahasiswa yang celik kewangan digalakkan untuk berbelanja sebahagian pendapatan dan sebahagian lagi dijadikan sebagai simpanan. Walau bagaimanapun, ketika melakukan perbelanjaan perlu difikirkan sama ada perbelanjaan itu berdasarkan keperluan atau kehendak. Keperluan bermaksud satu perkara asas yang mesti diperoleh, dimiliki dan digunakan dalam kehidupan seseorang manakala kehendak pula ialah keinginan individu terhadap sesuatu perkara yang lebih baik daripada keperluan asas. Contoh keperluan adalah pakaian, makanan dan tempat tinggal manakala menjamu selera di restoran eksklusif, membeli pakaian yang berjenama mahal serta berkeinginan untuk memiliki kereta mewah merupakan kehendak (Ismail et al., 2008).

Kajian berkaitan kecekapan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah oleh Mamat et al. (2013) menunjukkan pelajar-pelajar di sana tidak memiliki kecekapan dalam pengurusan kewangan. Perbelanjaan yang dibuat oleh mereka melebihi sumber kewangan yang ada dan pelajar lebih banyak menghabiskan wang perbelanjaan mereka ke arah yang bukan berkaitan akademik berbanding perihal akademik.

Untuk memastikan setiap individu mendapatkan pendidikan yang seimbang, lazimnya individu-individu yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi diberikan pembiayaan

sama ada dari segi bentuk pinjaman ataupun biasiswa oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, pembiayaan kerajaan kepada para pelajar di peringkat institusi pengajian tinggi telah mengalami perubahan yang ketara sejak sepuluh tahun yang lalu, di mana kerajaan telah mengurangkan pembiayaan dalam bentuk biasiswa dan menggantikannya dengan program pinjaman pelajar (John Abdullah & Ahmad, 2007). Perubahan jenis pembiayaan ini memberikan implikasi kepada pengurusan kewangan pelajar disebabkan jumlah pembiayaan yang diterima berbeza serta kesannya juga berbeza di mana biasiswa tidak perlu dibayar balik manakala pinjaman perlu dibayar kembali sebaik sahaja tamat pengajian.

Segala bentuk pembiayaan mahasiswa sama ada biasiswa mahupun pinjaman adalah untuk menampung segala bentuk perbelanjaan mereka seperti yuran pengajian, buku dan bahan ilmiah, perbelanjaan makanan dan minuman, penginapan, pakaian, telekomunikasi dan sebagainya. Menurut Sabri & McDonald (2010), setelah sebahagian wang digunakan untuk membayar hutang pengajian, sebilangan besar mahasiswa di universiti menghabiskan baki biasiswa atau pinjaman yang diterima sebelum semester berakhir. Sepatutnya, mahasiswa perlu membuat perancangan kewangan dengan teliti agar dapat menampung perbelanjaan sehingga semester berakhir. Sebaliknya, jika mahasiswa gagal dalam menguruskan sumber pembiayaan yang diberi, mereka terpaksa membuat kerja sambilan bagi mendapatkan wang. Ini mengakibatkan pengurangan tumpuan ketika di kuliah akibat daripada tidak cukup tidur ataupun ponteng kuliah untuk bekerja. Kajian yang dijalankan di UKM oleh Ramli (2013) menyarankan tentang beberapa contoh tingkah laku kewangan yang positif dan perlu diamalkan oleh setiap mahasiswa seperti membuat belanjawan peribadi dan membuat simpanan secara konsisten.

Kajian penyelidikan oleh Ahmad (2005) berkaitan corak pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar yang memperoleh pinjaman kewangan PTPTN di Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati majoriti responden berpendapat jumlah pinjaman yang mereka peroleh adalah tidak mencukupi. Selain itu, terdapat juga kajian yang menunjukkan, pelajar memerlukan sedikit masa untuk mempraktikkan ilmu yang dipelajari dalam pengurusan kewangan. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan ke atas mahasiswa di institusi pengajian tinggi luar negara yang mengikuti kelas pengurusan kewangan mendapati wujud kesan jangka masa panjang yang positif terhadap gelagat kewangan. Contohnya mahasiswa yang mengikuti kursus pengurusan kewangan didapati meningkatkan jumlah simpanan

mereka dalam jangka panjang (Berheim et al., 2001).

Apabila mahasiswa berada di menara gading, keperluan kewangan mereka semakin bertambah berbanding alam persekolahan (John Abdullah & Ahmad, 2007). Kajian yang telah dijalankan di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa mahasiswa yang kurang literasi kewangan terdedah kepada pembuatan keputusan kewangan yang kurang bijak (Chen & Volpe, 2002). Selain itu, masalah kewangan boleh menyebabkan pencapaian akademik mahasiswa terganggu. Tambahan lagi, Bostanci et al. (2005) mengatakan bahawa mahasiswa di institusi pengajian tinggi adalah golongan yang paling banyak menghadapi masalah selain masalah kewangan. Antara masalah mahasiswa adalah masalah pencapaian akademik, percintaan, emosi remaja yang suka bersaing serta masalah kewangan.

Kajian oleh Rhys et al. (2003) menunjukkan tiga faktor utama yang boleh menyebabkan tekanan dalam kalangan mahasiswa ialah akademik, masa dan kewangan di mana kewangan merupakan faktor kedua terbesar yang menyebabkan mahasiswa tidak menyambung pelajaran di institusi pengajian tinggi. Di samping itu, mahasiswa di institusi pengajian tinggi diperlihatkan tidak mempunyai kecekapan dalam menguruskan kewangan mereka kerana perbelanjaan yang dibuat oleh mereka adalah melebihi sumber kewangan yang mereka ada (Mustafa & Fikri, 2011). Dalam masa yang sama, mahasiswa didapati kerap kali membuat keputusan yang salah berkaitan dengan kewangan (Varcoe et al., 2005).

Kajian oleh Sabri et al. (2008) menunjukkan kebanyakan orang muda seperti mahasiswa cenderung untuk membelanjakan pendapatan mereka dengan cepat kepada keperluan peribadi dan seterusnya mengabaikan keperluan untuk simpanan peribadi mereka. Di samping itu, analisis perbezaan antara jantina yang dijalankan oleh mereka menunjukkan bahawa perempuan secara umumnya mempunyai skor minimum lebih tinggi berbanding lelaki terutamanya dari segi kemampuan untuk berbelanja, simpanan untuk kecemasan, kemampuan untuk memenuhi kehendak, situasi semasa kewangan dan amaun simpanan wang yang disimpan. Manakala, menerusi kajian yang telah dijalankan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kedah oleh Dahlia et al. (2009) mendapati tidak terdapat perbezaan dalam literasi kewangan antara mahasiswa lelaki dan perempuan.

Selain itu, corak perbelanjaan mahasiswa ditentukan oleh keperluan dan gaya hidup rakan sebaya ketika mereka berada di institusi pengajian tinggi. Kajian yang dilakukan ke atas pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang

mendapati pola perbelanjaan pelajar adalah berbeza mengikut jantina, semester serta lokasi penginapan mahasiswa (Fairus Muhamad Darus, 2009). Melalui dapatan kajian yang diperoleh, terdapat perbezaan corak perbelanjaan antara lelaki dan perempuan yang berkaitan dengan perbelanjaan telefon, perkhidmatan, pembelian barang dan perkhidmatan. Faktor lokasi penginapan ketika berada di pengajian tinggi turut mempengaruhi corak perbelanjaan seperti perbelanjaan penginapan, makanan, kenderaan, utiliti dan kesihatan.

Terdapat jurang dalam kajian lepas yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain mengenai literasi pengurusan kewangan di mana kebanyakannya lebih tertumpu kepada responden di sesuatu lokasi kawasan penyelidikan serta perbandingan yang terdiri daripada satu kursus sahaja. Oleh itu, penyelidikan mengenai pengurusan kewangan kali ini lebih memfokuskan keseluruhan mahasiswa iaitu prasiswazah dan pascasiswazah serta kajian ini juga membuat perbandingan di seluruh fakulti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji amalan pengurusan kewangan mahasiswa dalam kalangan pelajar UKM. Lokasi kajian ini telah dijalankan di UKM kampus Bangi yang terdapat lapan buah fakulti di bawah pentadbirannya. Antara fakulti-fakulti terlibat ialah Fakulti Pengajian Islam (FPI), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pendidikan (FPEND), Fakulti Teknologi Sains Maklumat (FTSM) dan Fakulti Undang-Undang (FUU). Kajian ini menggunakan pakai metodologi kuantitatif yang menganalisis data primer yang dikutip melalui kaedah soal selidik. 200 Set soal selidik ini diedarkan kepada seluruh mahasiswa UKM yang terdiri daripada prasiswazah dan pascasiswazah yang masing-masingnya sebanyak 100. Set soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D di mana Bahagian A menerangkan tentang latar belakang diri responden, manakala Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D mengandungi 28 item soalan yang perlu dijawab oleh responden bagi mencapai objektif kajian ini.

Analisis kajian dimulakan dengan membuat analisis kebolehpercayaan terhadap data-data yang telah diperoleh untuk mengukur amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Untuk analisis ini, kajian akan menggunakan jadual oleh Hair et al. (2003) untuk

menentukan kekuatan pekali yang telah dianalisis bagi kewangan mahasiswa seperti yang ditunjukkan dalam pemboleh ubah-pemboleh ubah amalan pengurusan Jadual 1.

JADUAL 1. Kekuatan Julat Pekali Alpha

Julat Pekali Alpha	Kekuatan Pekali
< 0.60	Lemah
0.60 sehingga < 0.70	Sederhana
0.70 sehingga < 0.80	Baik
0.80 sehingga < 0.90	Sangat baik
>0.90	Cemerlang

Sumber: Hair et al. (2003)

Seterusnya, kaedah regresi berbilang digunakan untuk menganalisis objektif kajian untuk mendapatkan penentu kepada amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Kaedah ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar bagi kajian yang dilakukan. Analisis ini akan dilihat sejauh mana pemboleh ubah tidak bersandar memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, bagi mendapatkan analisis bagi kaedah ini, formula di bawah akan digunakan:

$$Y = a + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + e$$

$Y$  = Mewakili nilai pemboleh ubah bersandar iaitu amalan pengurusan kewangan.

$a$  = Nilai konstan, iaitu, mewakili nilai  $Y$  apabila nilai semua pemboleh ubah tidak bersandar bersamaan dengan sifar

$X_1$  = Pengetahuan Kewangan

$X_2$  = Sumber Pembiayaan

$X_3$  = Pengurusan Perbelanjaan

$e$  = Mewakili terma pemerhatian secara rawak bagi setiap pemerhatian

## HASIL KAJIAN

### Analisis Demografi

Analisis demografi ke atas data yang diperoleh berdasarkan soal selidik adalah seperti di jadual 2: Berdasarkan Jadual 2, bagi prasiswazah, daripada 100 orang responden yang menjawab soal selidik ini, dapatan demografi berkaitan jantina menunjukkan sebanyak 51% daripada responden adalah pelajar lelaki manakala sebanyak 49% responden terdiri daripada pelajar perempuan. Untuk pascasiswazah, daripada 100 responden, sebanyak 50% daripada responden adalah pelajar lelaki serta 50% responden dari kalangan pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa bilangan soal selidik bagi kajian ini adalah seimbang antara mahasiswa lelaki dan perempuan.

JADUAL 2: Keputusan Analisis Demografi

Profil Responden		Frekuensi	Peratus (%)
Tahap Pendidikan:			
• Prasiswazah		100	50.0
• Pascasiswazah		100	50.0
Jumlah		200	100.0
Fakulti:			
• Prasiswazah	FPI	13	13.0
	FSSK	13	13.0
	FEP	12	12.0
	FST	12	12.0
	FPEND	13	13.0
	FKAB	12	12.0
	FTSM	12	12.0
	FUU	13	13.0
• Pascasiswazah	FPI	13	13.0
	FSSK	12	12.0
	FEP	12	12.0
	FST	13	13.0
	FPEND	13	13.0
	FKAB	12	12.0
	FTSM	13	13.0
	FUU	12	12.0
Jantina:			
• Prasiswazah	Lelaki	51	51.0
	Perempuan	49	49.0
• Pascasiswazah	Lelaki	50	50.0
	Perempuan	50	50.0
Umur:			
• Prasiswazah	< 20 tahun	5	5.0
	20-25 tahun	92	92.0
	26-30 tahun	3	3.0
	>30 tahun	0	0.0
• Pascasiswazah	< 20 tahun	0	0.0
	20-25 tahun	61	61.0
	26-30 tahun	25	25.0
	>30 tahun	14	14.0
Bangsa:			
• Prasiswazah	Melayu	91	91.0
	Cina	5	5.0
	India	1	1.0
	Lain-lain	3	3.0
• Pascasiswazah	Melayu	91	91.0
	Cina	6	6.0
	India	3	3.0
	Lain-lain	0	0.0

Dari segi umur, untuk prasiswazah, sebanyak 92.0% adalah pelajar yang berumur 20 hingga 25 tahun yang merupakan peratusan terbesar dalam kalangan responden yang terpilih secara rawak disebabkan majoriti pelajar prasiswazah UKM berada dalam lingkungan umur tersebut. Selain itu, dapatan umur responden yang paling sedikit adalah sebanyak 3% yang mewakili umur 26 hingga 30 tahun. Bagi pascasiswazah, kekerapan umur yang paling banyak adalah responden yang berumur 20 hingga 25 tahun yang mewakili sebanyak 61% yang dipilih secara rawak di setiap fakulti. Dapatan umur yang paling sedikit dalam kalangan responden pascasiswazah adalah mereka yang berumur lebih 30 tahun iaitu sebanyak 14%.

Jadual 2 juga menunjukkan aspek bangsa responden. Bagi prasiswazah, hasil dapatan menunjukkan sebanyak 91.0% adalah responden yang berbangsa Melayu dan sekali gus merupakan peratusan yang terbesar. Ini disebabkan majoriti mahasiswa UKM, Bangi adalah berbangsa Melayu. Selain itu, sebanyak 5.0% responden merupakan pelajar-pelajar yang berbangsa Cina manakala responden dalam kalangan India adalah sebanyak 2%. Akhir sekali, sebanyak 3.0% responden bagi kajian ini terdiri daripada kategori lain-lain dan sekali gus mewakili peratusan yang paling terkecil dalam kategori bangsa. Bagi pascasiswazah, keputusan menunjukkan sebanyak 91.0% adalah responden yang berbangsa Melayu serta merupakan peratusan majoriti dalam kategori bangsa dalam kalangan responden. Selain itu, sebanyak 6.0% responden merupakan pelajar-pelajar yang berbangsa Cina manakala responden dalam kalangan India adalah yang paling sedikit iaitu mewakili sebanyak 3%.

Terdapat penyertaan responden dari setiap fakulti yang terdiri daripada prasiswazah dan pascasiswazah di UKM, Bangi. Pemilihan bagi responden antara prasiswazah dan pascasiswazah adalah secara rawak. Sebanyak 13% responden telah diagihkan di empat buah fakulti masing-masing iaitu FPI, FSSK, FPEND dan FUU. Manakala sebanyak 12% responden turut diagihkan di empat buah fakulti yang berbeza iaitu di FEP, FST, FKAB dan FTSM. Untuk analisis pascasiswazah pula, sebanyak 13% responden telah diedarkan secara rawak di empat buah fakulti masing-masing iaitu FPI, FST, FPEND dan FTSM. Manakala sebanyak 12% responden turut diagihkan di empat buah fakulti yang berbeza iaitu di FSSK, FEP, FKAB dan FUU.

Dalam konteks sumber kewangan yang diperoleh responden sepanjang mereka melanjutkan pengajian, bagi prasiswazah, PTPTN merupakan sumber kewangan (dalam bentuk pinjaman) yang

paling banyak digunakan oleh pelajar iaitu merangkumi 43% , diikuti sumber kewangan yang lain iaitu JPA (dalam bentuk biasiswa) sebanyak 28%. Selain itu, terdapat juga pelajar-pelajar tidak menggunakan sebarang bentuk pembiayaan apabila responden hanya bergantung kepada wang yang diberikan oleh ibu bapa iaitu merangkumi 18% serta kategori lain-lain sebanyak 11% seperti dari yayasan negeri, zakat dan biasiswa dari syarikat korporat. Untuk pascasiswazah pula, sumber kewangan yang paling kerap digunakan oleh responden apabila mereka berada di tahap pengajian yang lebih tinggi iaitu dari ibu bapa sebanyak 43%, diikuti sumber kewangan yang lain adalah PTPTN yang masih menjadi pilihan untuk responden iaitu sebanyak 39%. Ini disebabkan kemungkinan responden dalam kalangan pascasiswazah tidak mahu menanggung hutang yang banyak apabila mereka melanjutkan tahap pengajian yang lebih tinggi. Kategori sumber kewangan lain-lain (merujuk kepada responden yang bekerja sendiri, bantuan zakat dan MYBRAIN) pula mencatatkan sebanyak 18%.

Anggaran bantuan kewangan yang diterima oleh responden menunjukkan bantuan kewangan yang kurang daripada RM2000 merupakan yang paling kerap diterima oleh responden iaitu sebanyak 32% (analisis untuk prasiswazah). Ini disebabkan bagi peringkat Ijazah, perbelanjaan yang diperlukan dilihat kurang berbanding mereka yang berada di tahap pascasiswazah dan kebanyakan responden yang berada di kedudukan ini adalah mereka yang menggunakan sumber pinjaman. Selain itu, anggaran bantuan kewangan yang paling sedikit adalah melebihi RM5000 iaitu sebanyak 11% adalah dari kalangan responden yang memperoleh biasiswa. Bagi pascasiswazah, anggaran bantuan kewangan RM3001 hingga RM4000 merupakan yang paling kerap diterima oleh responden iaitu sebanyak 40%. Ini disebabkan di peringkat pascasiswazah, perbelanjaan yang diperlukan adalah lebih banyak berbanding mereka yang berada di tahap prasiswazah dan kebanyakan responden yang berada di kedudukan ini adalah mereka yang menggunakan sumber pinjaman. Diikuti anggaran bantuan kewangan yang paling sedikit diterima oleh responden adalah melebihi RM5000 iaitu sebanyak 1%.

Seterusnya, hasil daripada ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha dipamerkan dalam jadual 3. Jadual 3 menunjukkan hasil analisa bagi ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha bagi prasiswazah dan pascasiswazah yang telah dilakukan ke atas semua pemboleh ubah. Berdasarkan jadual 3, dapat disimpulkan bahawa ujian kebolehpercayaan Cronbach's Alpha ke atas semua pemboleh ubah adalah baik.

JADUAL 3. Ujian Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha:

	Cronbach's Alpha	Bilangan item soalan	
Prasiswazah:			
	Pengurusan kewangan	0.800	4
	Tahap literasi kewangan	0.800	9
	Sumber pembiayaan	0.714	9
	Pengurusan perbelanjaan	0.717	6
Pascasiswazah:			
	Pengurusan kewangan	0.705	4
	Tahap literasi kewangan	0.760	9
	Sumber pembiayaan	0.705	9
	Pengurusan perbelanjaan	0.710	6

JADUAL 4. Keputusan Analisis Regresi Berbilang

	Pemboleh ubah Tidak Bersandar	$\beta$	t
Prasiswazah:	Literasi kewangan	0.958***	19.411
	Sumber Pembiayaan	0.366	1.324
	Pengurusan Perbelanjaan Wanita	0.436 -0.111	0.721 -1.419
Pascasiswazah:	Literasi kewangan	0.893***	17.128
	Sumber Pembiayaan	0.175***	3.641
	Pengurusan Perbelanjaan Wanita	0.122*** -0.235	2.607 -1.276

Seterusnya hasil dapatan bagi analisis regrasi berbilang ditunjukkan dalam jadual 4. Dapatan regresi menunjukkan bahawa literasi kewangan memainkan peranan yang paling penting dan signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan yang baik bagi kedua-dua sampel mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah. Hubungan yang positif menunjukkan semakin tinggi tahap literasi kewangan mahasiswa, semakin bagus amalan pengurusan kewangan mereka. Selain itu, sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan adalah signifikan dan berhubungan positif terhadap amalan pengurusan kewangan yang baik bagi mahasiswa pascasiswazah, namun tidak bagi mahasiswa prasiswazah. Sumber pembiayaan yang tinggi dan pengurusan perbelanjaan yang baik membantu meningkatkan amalan pengurusan kewangan yang baik bagi mahasiswa pascasiswazah. Ini disebabkan lazimnya mahasiswa pascasiswazah telah berkeluarga menyebabkan mereka memerlukan sumber pembiayaan

yang lebih tinggi untuk menguruskan perbelanjaan isi rumah yang lebih besar berbanding mahasiswa prasiswazah yang lazimnya masih bujang. Di samping itu, hasil dapatan juga menunjukkan bahawa jantina tidak memainkan peranan yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan mahasiswa prasiswazah dan pascasiswazah UKM. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Dahlia et al. (2009) di UiTM, Kedah yang mendapati bahawa tiada sebarang perbezaan tahap literasi kewangan antara mahasiswa lelaki dan perempuan. Hal ini mungkin disebabkan Malaysia dan kebanyakan negara maju masa kini tidak mendiskriminasikan status jantina sebagai halangan untuk terlibat dalam pelbagai bidang, malahan semua jantina diberikan hak yang sama rata sama dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya.



## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa literasi kewangan merupakan penentu utama kepada amalan pengurusan kewangan yang baik bagi mahasiswa UKM, tanpa mengira sama ada mereka berada pada tahap prasiswazah mahupun pascasiswazah. Selain itu, aspek sumber pembiayaan dan pengurusan perbelanjaan yang berkesan juga membantu mempengaruhi amalan pengurusan kewangan yang baik bagi mahasiswa pascasiswazah UKM. Hasil kajian ini diharap dapat membantu mahasiswa di institusi pengajian tinggi dalam mengenal pasti faktor-faktor yang dapat menggerakkan mereka untuk sentiasa peka dalam menguruskan sumber kewangan mereka dengan baik tanpa berlaku sebarang pembaziran. Dalam masa yang sama juga, hasil kajian ini juga diharap dapat membantu pihak universiti dengan kerjasama Kementerian Pelajaran tinggi Malaysia (KPTM) untuk memasukkan sukatan pelajaran berkaitan literasi kewangan dalam sukatan pelajaran lagi setiap bidang pengajian yang ditawarkan di setiap fakulti dalam setiap universiti awam mahupun swasta di Malaysia. Di samping itu, antara langkah yang boleh dilaksanakan oleh universiti yang masih belum memasukkan sukatan pelajaran kewangan ialah dengan menjemput ahli-ahli panel yang terkenal dalam bidang pengurusan kewangan untuk memberi sedikit informasi yang berguna kepada mahasiswa tentang amalan pengurusan kewangan yang berkesan.

Selain itu, memandangkan sumber pembiayaan memainkan peranan penting kepada mahasiswa pascasiswazah, maka diharapkan institusi-institusi dan kementerian yang terlibat memberikan biasiswa mahupun pembiayaan pendidikan mengambil kira faktor ini ketika merangka strategi, terutamanya berkaitan jumlah pemberian biasiswa kepada mahasiswa pascasiswazah. Di samping itu, agensi kerajaan seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Kementerian Kewangan Malaysia juga diharapkan untuk turun padang dalam mempromosikan pengurusan kredit dan perbelanjaan di kalangan mahasiswa universiti, terutamanya mahasiswa pascasiswazah.

Terdapat beberapa limitasi di dalam kajian ini. Oleh itu, terdapat cadangan kajian yang sedikit sebanyak diharap dapat menambahbaik dan memberikan maklumat yang lebih tepat serta menyeluruh pada masa akan datang mengenai amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Antaranya ialah penggunaan bilangan sampel yang lebih luas dengan mempelbagaikan sampel kajian seperti keseluruhan institut pengajian Tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) di seluruh Malaysia. Selain itu, menarik juga jika kelakuan pengurusan

kewangan pelajar di peringkat sekolah menengah dan para pekerja dalam sektor pekerjaan awam dan swasta dikaji sebagai perbandingan kepada kelakuan amalan pengurusan kewangan mahasiswa universiti.

## RUJUKAN

- Abd Moen, J., Che Omar, A.R. Ishak, S. Dawari, Z. & Hamdan, H. 2012. Amalan Pengurusan Kewangan di Kalangan Usahawan Asnaf Prosiding PERKEM VII. Jilid 2: 762-769. [http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012\\_3B4.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_3B4.pdf)
- Ahmad, M. M. 2005. Kajian Pola Pengurusan Kewangan di Kalangan Pelajar yang Menerima Pinjaman Kewangan Perbadanan Tabung Tinggi Nasional (PTPTN) di Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Bernheim, B. D., Garret, D. & Maki, D. 2001. Education and Saving: The Long Term Effects of High School Financial Curriculum Mandates. *Journal of Public Economics*: 435-465.
- Braunstein, S. & Welch, C. 2002. Financial Literacy: An Overview of Practice, Research and Policy. *Federal Reserve Bulletin*: 445-456.
- Brigham, E. F., Houston, J. F., Jun-Ming, H., Yoon Kee, K., & Bany-Arifin, A.N. 2014 *Essentials of Financial Management*. 3<sup>rd</sup> Edition. Cengage learning. Singapore.
- Brown, M. & R. Graf. 2013. Financial Literacy, Household Investment and Household Debt: Evidence from Switzerland. Working Paper on Finance No. 13/1. Swiss Institute of Banking and Finance.
- Bujang, N.A. 2007. Pengurusan Kewangan Mahasiswa: Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 1 Dan 2, Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Fakulti Pendidikan, UTM. Tesis Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Chartejee, S. 2013. Borrowing Decisions of Credit Constrained Consumers and the Role Financial Literacy. *Economics Bulletin* 33(1):179-191.
- Chen, H. & R. P. Volpe. 2002. Gender Differences in Personal Financial Literacy among College Students. *Financial Services Review* 11: 289-307.
- Daft, R. L. 2016. *Management: 12<sup>th</sup> edition*. Cengage Learning, USA.
- Dahlia, I., Rabitah, H. & Zuraidah. 2009. A study on Financial Literacy of Malaysia Degree Students. *Cross Cultural Communication* 5(4): 51-59.
- Fairus Muhamad Darius. F. 2009. Impak Ekonomi Perbelanjaan Pelajar Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang Di Kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. *Proceeding of Seminar on Science, Technology and Social Science*. 313-319. ISBN: 978-983-2607-17-5.
- John Abdullah, S.A, Ahmad, H (2007). *Kewangan & Pelajar IPT*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Jusoh, M & Mohd Noor, Z. 1998. *Inflasi dan Ukuran Kos Sara Hidup: Implikasi terhadap Golongan*

- Berpendapatan Rendah. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics* 1. Penerbit Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, UPM.
- Ismail, A. W., Salleh, Z & Buyong, S. Z. 2008. Budaya Keusahawanan Panduan Memulakan Perniagaan Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Lusardi, A & Tufano, P. 2008. Debt Literacy, Financial Experiences and Over indebtedness. Retrieved online. <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/summary?doi=10.1.1.164.9853>
- Mamat, N. Z. Mohamad Hassan, H & Jaafar, S. B. 2013. Hubungan Antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar Dan Kusus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi-Satu Kajian Kes Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Technical and Education Colloquium Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah: 25-31. <http://ecrim.ptsb.edu.my/file/20150209071437.pdf>
- Mohamed, Z. & Abd. Razak, R. 2012. Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan Politeknik Port Dickson.
- Mohd Yunos, N. A. 2005. Ringgit & Poket. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Mustaffa, W & Fikri, M. 2011. Kecekapan pengurusan Kewangan Di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Proceedings Commerce Department Research Colloquium 2011. Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.
- Ramli, Z. (2013). Financial Behaviour of Female Teachers in Malaysia Asian. *Social Science* 9(8): 34-41.
- Rhys, D. Peter, E. & Britain. 2003. Dropping Out: A Study of Early Leavers Education from Higher Education. <http://webarchive.nationalarchives.gov.uk/20130401151715/http://www.education.gov.uk/publications/eOrderingDownload/RR386.pdf>
- Sabri, M. F., MacDonald, M., Masud, J., Paim, L., Hira T. K., & Othman, M. A. 2008. Financial Behaviour and Problems among College Students in Malaysia: Research and Education Implication. *Consumer Interests Annual* 54: 5.
- Shaari, N. A, Abu Hasan, N., Moona, R. K. & Ahmad Jafri, M. 2013. Financial Literacy: A Study among University Students. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business Volume* 5: 279-299.
- Varcoe, K. P, Martin, A., Devitto, Z. Go, C. 2005. Using a Financial Education Curriculum for Teens. Association for Financial Counseling and Planning Education. Volume 16(1): 63-72. <http://www.afcpe.org/assets/pdf/vol1617.pdf>
- Williams, F. L. 2001. Financial Success for College Students: Climbing the Steps from Financial Dependence to Independence. Purdue University. Retrieve online at <http://www.bankrate.com/finance/personal-finance/more-students-juggling-work-and-higher-education.aspx>
- Willis, L. E., "Evidence and Ideology in Assessing the Effectiveness of Financial Literacy Education" (2008). Scholarship at Penn Law. Paper 206. Retrieve online at [http://lsr.nellco.org/upenn\\_wps/206](http://lsr.nellco.org/upenn_wps/206)
- Yaacob, Z. 2011. Teknik Urus Wang Individu Berkesan. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd Publication.
- Yakob, R. Janor, H. & Khamis, N. A. 2015. Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian Di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* 18: 97-116.

Aisyah Abdul-Rahman (Prof Madya Dr.)  
 Pusat Pengajian Pengurusan  
 Fakulti Ekononmi Pengurusan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi, Selangor.  
 E-mel: eychah@ukm.edu.my

Wajeeha Zulkifly  
 No 12 Jalan Siakap Tiga 17/39C  
 Seksyen 17, 40200  
 Shah Alam, Selangor.  
 E-mel: wajeehazulkifly@gmail.com